

17 JAN 2002

Sukan-LTdL (Status)

PENGANJUR LTDL MUNGKIN KEKAL STATUS KEJOHANAN KE 2.3 TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Penganjur kejohanan Le Tour de Langkawi (LTdL), First Cartel (M) Sdn Bhd tidak mahu tergesa-gesa memohon menaikkan status perlumbaan itu dari 2.3 kepada 2.2, sekurang-kurangnya untuk tempoh terdekat ini.

Pengerusi Eksekutif First Cartel Datuk Wan Lokman Wan Ibrahim berkata, dengan status 2.3 sekarang, perlumbaan itu sudah menjadi antara kejohanan lumba basikal terkemuka di dunia.

"Perlumbaan ini baru dinaikkan status dari 2.4 kepada 2.3 tahun lepas. Buat masa sekarang, kita belum memikirkan memohon kenaikan status ke 2.2 kerana jika 2.2, ia melibatkan banyak perkara termasuk daripada segi teknikal, kos dan sebagainya.

"Kita mengambil pendekatan perlahan-lahan. Biar, kejohanan ini menjadi benar-benar kukuh...malah dengan status sekarang, perlumbaan ini sebenarnya sudah lebih baik daripada kejohanan-kejohanan yang lebih tinggi statusnya di Eropah," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan penajaan daripada Nestle Products Sdn Bhd, di sini, hari ini.

Nestle buat kali keempat berturut-turut akan menjadi "Minuman Kesihatan Rasmi" LTdL 2002.

Yang turut hadir ialah Setiausaha Majlis Olimpik Malaysia Datuk Sieh Kok Chi dan Pengurus Pemasaran Sukan Nestle Malaysia, Dina Rizal.

LTdL 2002 yang membabitkan 10 peringkat perlumbaan akan bermula di Putrajaya pada 1 Feb dan berakhir di Dataran Merdeka pada 10 Feb.

Dengan status 2.2, penganjur boleh menjemput 80 peratus pasukan profesional manakala status 2.3 hanya membenarkan 75 peratus penyertaan profesional.

Sebelum ini, Wan Lokman pernah membayangkan untuk mengemukakan permohonan kepada Kesatuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI) untuk menaikkan status jelajah itu dari 2.3 kepada 2.2, tahun ini.

Wan Lokman dilaporkan berkata, cadangan memohon kenaikan status itu dibuat kerana harapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya perlumbaan itu menjadi lebih besar.

Wan Lokman, bagaimanapun tidak menolak kemungkinan untuk memohon kejohanan itu dinaikkan ke status 2.2 tahun depan.

"Mungkin tahun depan atau dua tahun lagi (kita mohon supaya jelajah ini menjadi 2.2). Sekiranya penganjuran LTdL tahun ini berjalan lancar, tiada sebab bagi UCI untuk menolak permohonan kita," katanya.

Sementara itu, Wan Lokman berkata First Cartel juga bercadang menganjurkan kejohanan "Eagle Tour of Malaysia", yang berstatus 2.6, dari 14 hingga 18 Ogos ini.

"Kejohanan ini telah mendapat kelulusan daripada UCI. Untuk tahun pertama ini, kita akan menjemput pasukan-pasukan dari Asia dan mungkin satu atau dua pasukan dari Eropah.

"Perlumbaan selama lima hari ini akan diadakan di Langkawi. Selain itu, kita turut akan mengadakan perlumbaan untuk beberapa kategori umur," katanya.

-- BERNAMA

ERE AZZ PR